

01 SEP 2000

BELIA HINDU SAMBUT BAIK CADANGAN KAJI KEMENTERIAN WANITA

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Jawantankuasa Tetap Wanita Majlis Belia Hindu hari ini menyambut baik pengumuman kerajaan untuk mengkaji kemungkinan mewujudkan Kementerian Hal Ehwal Wanita kerana ia akan menjadi titik peralihan kepada perjuangan wanita dalam alaf baru.

Ketuanya S.Jayaletchumi berkata jika diwujudkan, kementerian itu akan menjadi arena kepada golongan wanita untuk terus menceburkan diri dalam pembangunan negara, selain pembangunan keluarga.

Beliau berkata wanita harus diberi peluang untuk membuktikan kemampuan dan kekuatan mereka dalam menjayakan aspirasi dan kehendak Wawasan 2020.

"Dalam konteks ini, kami ingin mengesyorkan kepada kerajaan Malaysia agar lebih banyak peluang dalam segala bidang dibuka kepada golongan wanita," katanya dalam kenyataan di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Hari Wanita 2000 pada Isnin lepas berkata kerajaan akan mempertimbangkan cadangan beberapa pihak supaya diwujudkan kementerian untuk wanita.

-- BERNAMA

RV HS NMO